



UTHM

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER II SESI 2022/2023

NAMA KURSUS	:	PENGURUSAN PROJEK
KOD KURSUS	:	BBP 20402
KOD PROGRAM	:	BBA/BBB/BBD/BBE/BBG
TARIKH PEPERIKSAAN	:	JULAI/ OGOS 2023
JANGKA MASA	:	2 JAM
ARAHAN	:	<ol style="list-style-type: none">1. JAWAB SEMUA SOALAN.2. PEPERIKSAAN AKHIR INI DILAKSANAKAN SECARA TUTUP BUKU.3. PELAJAR TIDAK DIBENARKAN MERUJUK KEPADA MANA-MANA SUMBER RUJUKAN BAGI PEPERIKSAAN YANG DILAKSANAKAN SECARA TUTUP BUKU.

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI **LIMA (5)** MUKA SURAT

TERBUKA

- S1** (a) Senaraikan lima (5) jenis maklumat yang diperlukan dalam memastikan kejayaan sesuatu fasa perancangan dan kitar kawalan.
(5 markah)
- (b) Huraikan tiga (3) aspek yang perlu dititikberatkan dalam fasa perancangan dan kitar kawalan sesebuah pengurusan projek.
(6 markah)
- (c) Pengeluaran dapat ditakrifkan sebagai aktiviti penghasilan produk bagi memenuhi keperluan tempahan. Berdasarkan kepada fungsi ini, huraikan empat (4) faedah yang boleh diperolehi daripada proses pengeluaran ini.
(8 markah)
- (d) Perusahaan adalah salah satu cabang pengeluaran dalam pengurusan sesebuah projek. Bincangkan jenis perusahaan yang boleh digunapakai dalam menjalankan projek untuk pelbagai latar belakang industri.
(6 markah)

TERBUKA

- S2** (a) Senaraikan perkara-perkara yang perlu ditentukan dalam menganalisis pasaran sesebuah projek.
(5 markah)
- (b) Jelaskan masalah yang dapat dikawal dalam mencapai matlamat sesebuah pelaksanaan projek.
(6 markah)
- (c) Nyatakan perbezaan di antara tindakan pembedahan dan tindakan pencegahan.
(4 markah)
- (d) Pemantauan sesebuah projek melibatkan aktiviti tindakan pembedahan bagi usaha memperbaiki aktiviti yang dilihat bermasalah. Huraikan beserta gambarajah carta alir tindakan pembedahan di dalam pelaksanaan sebuah projek.
(10 markah)

TERBUKA

- S3** (a) Nyatakan tiga (3) tahap ciri-ciri kawalan. (3 markah)
- (b) Terangkan strategi yang boleh digunakan untuk mengawal kualiti produk atau perkhidmatan yang dihasilkan dalam projek. (6 markah)
- (c) Nyatakan tiga (3) kaitan antara integrasi kos dan pengurusan projek secara keseluruhan. (6 markah)
- (d) Jelaskan dua (2) kebaikan dan kelemahan kadar buruh secara individu dan simpulkan perkaitan tersebut. (10 markah)

TERBUKA

- S4 Jadual S4 dibawah menunjukkan jadual aktiviti projek. Jawab soalan di bawah berdasarkan rangkaian aktiviti projek seperti dalam Jadual S4.

Jadual S4

Kod Aktiviti	Pendahulu	Waktu(minggu)
A	-	9
B	A	2
C	A	12
D	A	5
E	B	6
F	B	8
G	C,F	3
H	D	2
I	H	8
J	G,I	6
K	E,G,J	2

- (a) Lukiskan rangkaian aktiviti bagi projek tersebut. (6 markah)
- (b) Kirakan permulaan awal, pengakhiran awal, permulaan terkini dan pengakhiran terkini bagi rangkaian tersebut. (15 markah)
- (c) Nyatakan aktiviti laluan kritikal bagi projek tersebut. (4 markah)

TERBUKA

- SOALAN TAMAT -